

*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**21 Ogos 2020**

1. Warga emas tembak kucing ditangkap
2. Si Bulus dibunuh guna pistol angin

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYS**

# KERATAN AKHBAR

Tarikh: 21 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	8	
Perkara	Kebajikan Haiwan	

Pesara marah haiwan berkeliaran di kawasan rumah

## Warga emas tembak kucing ditangkap

**KOTA BHARU** – Perbuatan kejam seorang pesara menembak dua ekor kucing sehingga menyebabkan seekor daripadanya mati berbalas apabila lelaki itu ditangkap kelmarin.

Tangkapan ke atas warga emas berusia lingkungan 70-an itu dibuat selepas kejadian kucing mati dipercayai ditembak dengan senapang angin tular di dalam laman Facebook baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Abdul Rahim Daud ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan mengenai kejadian tersebut.

"Polis menahan suspek pada pukul 12.20 tengah malam tadi (semalam) dan siasatan lanjut sedang dijalankan," katanya.

Kejadian tidak berperikma-

nusiaan itu dilaporkan berlaku pada 1 Ogos dan 17 Ogos lalu dengan seekor kucing mati, manakala seekor lagi parah di kepala.

Difahamkan, suspek bertindak sedemikian kerana berang haiwan peliharaan jirannya kerap berkeliaran di kawasan rumahnya di Pintu Geng di sini.

Kejadian itu mendapat kecaman daripada netizen yang menyifatkan perbuatan itu sebagai tidak berhati perut memandangkan masalah tersebut boleh diselesaikan secara baik.

Rata-rata pemilik Facebook mahu pesalah yang melakukan perbuatan kejam itu dikenakan tindakan sebagai pengajaran supaya tidak menganiaya haiwan sesuka hati.

Dalam pada itu, seorang penduduk kampung itu yang



**KESAN** cedera pada badan seekor kucing akibat terkena peluru.

enggan dikenali berkata, dia terkejut dengan kejadian tersebut dan haya mengetahuinya selepas ia tular di media sosial.

"Susah nak percaya, sebab dia (suspek) seorang yang boleh bekerjasama sebelum ini," katanya ketika ditemui Kosmo! di sini semalam.




**KUCING** yang ditembak mati di Pintu Geng, Kota Bharu baru-baru ini.

# KERATAN AKHBAR

Tarikh: 21 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	Harian Metro	Catatan:
Ruangan	Lokal	
M/Surat	3	
Perkara	Kebajikan Haiwan	



KESAN tembakan pistol angin jelas kelihatan di badan kucing.

## *Si Bulus dibunuh guna pistol angin*

**Kuala Lumpur:** Perasaan benci terhadap kucing peliharaan jiran yang sering lalu dan berehat di halaman rumahnya menjadi punca warga emas lelaki berusia 70 tahun menembak mati haiwan itu menggunakan pistol angin.

Presiden Persatuan Haiwan Malaysia (Animal Malaysia) Arie Dwi Andika berkata, kejadian itu berlaku di Kampung Pintu Geng, Kota Bharu Kelantan pada 17 Ogos lalu dan pihaknya menerima maklumat berhubung kes berkenaan semalam.

Menurut Arie, berdasarkan maklumat awal diterima, pelaku adalah pesara dan dipercayai jiran terdekat pemilik kucing berkenaan.

“Ia kali kedua kucing peliharaan pemilik berkenaan menjadi mangsa.

“Kejadian kali pertama adalah pada 1 Ogos lalu dan pembunuhan itu disyaki dilakukan kerana pelaku tidak senang dengan kehadiran kucing peliharaan jirannya.

“Kita masih menunggu laporan rasmi pemilik kucing kepada pihak berkuasa supaya tindakan susulan dapat diambil terhadap pelaku yang zalim itu,” katanya.

Menurut Arie, pembunuhan kucing secara tembakan pistol angin bukan pertama kali dilaporkan kerana beberapa kes sama pernah dilaporkan sebelum ini.